

JAMINAN PERLINDUNGAN PENGGUNA DALAM KERANGKA PERUNDANGAN KAWALAN HARGA BARANG PADA MUSIM PERAYAAN DI MALAYSIA

CONSUMER PROTECTION GUARANTEES IN THE LEGAL FRAMEWORK OF GOODS PRICE CONTROL IN FESTIVE SEASONS IN MALAYSIA

Dr Alias bin Azhar¹
Azizul Rahman bin Sapahin²
Dr Yusramizza Binti Md Isa @ Yusuff³
Dr Nazli Binti Mahdzir⁴
Dr Nor Anita binti Abdullah⁵
Dr Fathiyah Binti Abu Bakar⁶

Prof Madya, Pusat Pengajian Undang-undang, (UUMCOLGIS), az.alias@uum.edu.my¹
Pegawai Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK),
Selangor, azizulrahman.kpdnkk@1govuc.gov.my²
Pusat Pengajian Undang-undang, (UUMCOLGIS)³
Pusat Pengajian Undang-undang, (UUMCOLGIS)⁴
Pusat Pengajian Undang-undang, (UUMCOLGIS)⁵
Tunku Puteri Intan Syafinaz School of Accountancy (TISSA-UUM)⁶

Accepted date: 5 August 2018

Published date: 15 September 2018

To cite this document: Azhar, A., Sapahin, A. R., Yusuff, Y. M. I. @, Mahdzir, N., Abdullah, N. A., & Bakar, F. A. (2018). Jaminan Perlindungan Pengguna Dalam Kerangka Perundangan Kawalan Harga Barang Pada Musim Perayaan di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(10), 22-32.

Abstrak: Kaedah kawalan harga merupakan isu utama yang sering ditimbulkan terutama ketika musim perayaan. Kaedah kawalan harga yang diamalkan di Malaysia ketika menjelang musim perayaan adalah merupakan usaha kerajaan yang prihatin terhadap rakyat yang tertekan ekoran kenaikan harga barang ketika tiba musim perayaan. Kajian menggunakan kaedah kajian perundangan sosial yang menggabungkan metod perpustakaan dan deskriptif fokus kepada analisis kandungan akta-akta dan peraturan berkaitan kawalan harga menerusi Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 yang menggantikan Akta Kawalan Harga 1946 dan memfokuskan kepada definisi barang kawalan, barang kawalan musim perayaan serta pelaksanaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan di Malaysia. Kajian bertujuan mengkaji dan menilai peruntukan perundangan kawalan harga barang dalam konteks perlindungan pengguna daripada kenaikan harga barang khususnya pada musim perayaan. Malaysia merupakan antara banyak Negara di dunia yang mengamalkan sistem kawalan harga dan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan yang bermula semenjak tahun 2000. di samping Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 yang menggantikan Akta Kawalan Harga 1946 merupakan undang-undang yang ditambah baik bagi membantu kerajaan menguatkuasakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan

ini dengan lebih berkesan. Skim Kawalan Harga Musim Perayaan dilihat banyak membantu pengguna ketika tiba musim perayaan namun tindakan pemantauan perlu terus dipertingkatkan bagi memastikan pelaksanaan skim ini mencapai sasarannya. Kuat kuasa statut sedia ada dan peraturan-peraturan baru seperti Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP), Penandaan Khas Warna Merah Jambu dan Kaedah Penentuan Harga Maksimum membuktikan keprihatinan pihak kerajaan dalam memastikan kebajikan pengguna terjamin dalam isu kenaikan harga barang terutama musim perayaan.

Kata Kunci: *Perlindungan Pengguna, Skim Kawalan Harga Musim Perayaan, Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan, Kaedah Penentuan Harga Maksimum.*

Abstract: *Price control methods are a major issue that often arises especially during the festive seasons. The price control method practiced in Malaysia during the festive seasons is a government effort that is concerned with the people who are distressed by the rise in prices of goods during the festive season. The study uses a social legal research method that combines library and descriptive methods focusing on the analysis of the contents and regulation of price controls through the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 replacing the Price Control Act 1946 and focusing on the definition of control items, festive season control items and the implementation of the Festive Season Price Control Scheme in Malaysia. The study aims to examine and evaluate the legal provisions of price control of goods in the context of consumer protection from rising prices of goods especially during festive seasons. Malaysia is among the many countries in the world who practice the price control system and the Festive Price Control Scheme beginning in 2000. as well as the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 replacing the Price Control Act 1946 is an improved law to help governments enforce This Festive Season Price Control Scheme is more effective. The Festive Season Price Control Scheme is seen as a great help to consumers when it comes to festive seasons but monitoring measures need to be further enhanced to ensure the implementation of the scheme achieves its targets. The existing statutory powers and new regulations such as the Festive Price- Controlled Scheme (SKHMP), the Special Design Colour Pink and the Maximum Pricing Method prove the government's concern in ensuring the welfare of consumers is guaranteed in the issue of rising prices especially during the festive seasons.*

Keywords: *Consumer Protection, Festive Season Price-Controlled Scheme, Price Control And Anti-Profiteering Act, Maximum Pricing Method.*

Pengenalan

Undang-undang pengguna diasaskan pada pasaran yang mana pilihan pengguna menjadi keutamaan. Persaingan bagi memenuhi pilihan ini seharusnya memaksa pasaran bertukar daripada pasaran dominasi penjual kepada pasaran pembeli. Justeru itu pilihan pengguna harus disertakan dengan satu sistem perlindungan yang mencukupi. Inilah seharusnya menjadi fungsi mana-mana undang-undang perdagangan yang berorientasikan perlindungan pengguna. Kajian bertujuan mengkaji kerangka perundangan kawalan harga sempena musim-musim perayaan termasuk bidang kuasa pihak Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi (KPDNKK) dan juga peranan badan bukan kerajaan (NGO) kepenggunaan. Kaedah kawalan harga merupakan isu utama yang sering ditimbulkan terutama ketika musim perayaan. Kaedah kawalan harga yang diamalkan di Malaysia ketika menjelang musim perayaan adalah merupakan

usaha kerajaan yang prihatin terhadap rakyat yang tertekan ekoran kenaikan harga barang ketika tiba musim perayaan.

Pernyataan Masalah

Dalam dunia perniagaan selain daripada modal, teknologi dan sumber manusia, etika merupakan unsur penting untuk meningkatkan imej dan reputasi peniaga di samping menjamin pulangan keuntungan yang optimum dan konsisten. Etika dapat memimpin manusia dalam mengurus aktiviti urus niaga dan setiap individu perlu mempunyai standard etika yang tinggi untuk membina dan mengekalkan reputasi korporat berbanding dengan usaha mengeluarkan barangan yang baik.

Selain daripada fokus mendapatkan keuntungan, peningkatan imej dan reputasi daripada aktiviti perniagaan, peniaga perlu menyedari mereka juga bertanggungjawab kepada kebajikan masyarakat. (Sabri Salamon, 1989). Dalam konteks tersebut, etika dapat memainkan peranan membantu peniaga merealisasikan tanggungjawab membangunkan masyarakat dan Negara.

Isu kawalan harga sering menjadi paparan dalam media massa terutamanya di musim perayaan. Terdapat perbezaan antara barangan kawalan semasa musim perayaan dan pada waktu-waktu biasa. Kebiasaannya, barang-barang yang dijadikan barang kawalan semasa musim perayaan adalah melibatkan barang basah dan bahan keperluan untuk masakan. Hal ini berlaku kerana pada musim perayaan, permintaan terhadap barang-barang seperti ayam, cili merah, telur ayam dan bawang merah adalah lebih tinggi berbanding hari-hari biasa. Dengan erti kata lain, permintaan terhadap barangan tertentu meningkat melebihi pengeluaran. Justeru itu, ini menyebabkan terdapat segelintir peniaga yang cuba mengambil kesempatan mengenakan harga yang tinggi dengan sewenang-wenangnya atau lebih dikenali sebagai membuat pencatutan.

Faktor inilah yang memaksa pihak kerajaan iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan mengenakan kawalan harga bagi sesetengah barangan bagi menjaga kebajikan pengguna. Harga siling bagi sesetengah barangan yang dikawal akan ditetapkan untuk tempoh tertentu bagi memastikan pengguna dapat menikmati harga barangan pada kadar yang munasabah. Namun begitu, ada juga sesetengah peniaga yang tidak mengikut harga yang telah ditetapkan, malah berani mengenakan harga melepasi harga siling yang ditetapkan.

Barangan Kawalan Musim Perayaan

Kawalan bermaksud usaha atau tindakan mengenakan (menjaga, mengawasi), manakala harga pula didefinisikan sebagai nilai sesuatu barangan dengan (kiraan) wang. (Dewan Bahasa Pustaka, 2013) Maka, dapat dirumuskan maksud kawalan harga adalah tindakan mengenakan sekatan terhadap nilai barangan daripada dinaikkan sesuka hati yang biasa dilakukan oleh peniaga dan juga peruncit.

Menteri KPDNKK berkuasa menetapkan apa-apa barang yang hendak dikawal harganya secara undang-undang. Ini adalah berdasarkan permintaan terhadap sesuatu barangan keperluan bagi satu-satu musim perayaan seperti contoh Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Hari Raya Puasa, Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Tahun Baru Cina dan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Deepavali.

Barangan kawalan pula boleh didefinisikan sebagai benda atau perkhidmatan yang dijual beli tetapi barangan tersebut dikawal daripada segi harganya agar para peniaga tidak dapat

menaikkan harga barangan tersebut dengan sewenang-wenangnya. Kebanyakan harga bagi barang terkawal adalah dijual di bawah atau mengikut paras harga maksimum seperti yang telah ditetapkan di peringkat borong dan runcit (KPDNKK, 2017).

Penguatkuasaan yang dilakukan bermula dari peringkat pembekal barangan berkenaan sehinggalah kepada peringkat pemborong. Pembekal dan pemborong adalah dimestikan untuk mendapatkan lesen yang sah dari pihak kerajaan iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan.

Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011

Sebelum ini pengawalan harga barang tidak dapat dilakukan kerana tidak ada akta khusus untuk berbuat demikian. Melalui Akta Kawalan Harga 1946 sedia ada, kerajaan hanya boleh mengawal harga terhadap barangan yang diwartakan saja, tetapi melalui akta baru itu, kerajaan berupaya mengawal peniaga daripada menaikkan harga sesuka hati. Semua peniaga diwajibkan menjual harga barang terkawal mengikut harga maksimum yang ditetapkan oleh kerajaan dan meletakkan tanda harga berwarna merah jambu pada barangan tersebut.

Tindakan tegas akan diambil mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 terhadap mereka yang gagal mematuhi peraturan di bawah skim berkenaan. Peniaga yang menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum boleh didenda sehingga RM100,00 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali atau dikompaun sehingga RM50,000. Syarikat yang melakukan kesalahan tersebut boleh didenda sehingga RM500,00 atau dikenakan kompaun sehingga RM250,00. Peniaga yang gagal meletak tanda harga merah jambu pula akan didenda sehingga RM10, 000 atau dikompaun sehingga RM5,000 dan syarikat yang gagal melakukannya boleh didenda RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

Selanjutnya, Akta Kawalan Harga 1946 telah diperhebat dan ditambahbaik dengan pengenalan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Ia digubal bagi mewujudkan sebuah mekanisma bagi menghalang dan melarang peniaga dari menaikkan harga barangan tanpa sebab dan mengaut keuntungan secara berlebihan sehingga menekan pengguna.

Akta ini dan peruntukan-peruntukan subsidiari di bawahnya adalah bertujuan untuk menentukan harga barang-barang adalah berpatutan dalam sebarang keadaan dan dalam masa yang sama memberi peluang kepada pengguna untuk membuat perbandingan harga sebelum membeli barangan. Terdapat beberapa kesalahan yang boleh dikenakan hukuman di bawah akta ini. Salah satunya adalah seperti kesalahan gagal meletakkan tanda pada barangan yang dipamerkan untuk jualan serta kesalahan gagal melabelkan barang-barang yang tersedia bungkus dengan maklumat nama dan alamat pengeluar atau pengimport, berat dan kuantiti barangan, kandungan bahan di dalamnya serta nama sebutan sebenar barangan terbabit. Peniaga yang didapati melakukan kesalahan-kesalahan di bawah akta ini boleh dikenakan tindakan didenda atau dikompaun.

Barang-barang yang telah diisytiharkan sebagai Barang Harga Terkawal di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 diwartakan sebagai barang kawalan musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Perwartaan ini dibuat bagi membolehkan tindakan diambil di bawah Akta tersebut sekiranya timbul masalah berkaitan bekalan. Senarai barang-barang akan dibuat kutipan sebelum dipilih untuk dikawal harganya bagi tempoh tertentu bagi satu-satu musim perayaan.

Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016 (KPDNKK, 2017)

Bermula 1 Januari 2017 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016 bagi bertindak terhadap aktiviti pencatutan. Peraturan ini bagi menggantikan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014 yang telah berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2016.

Peraturan ini menggunakan kaedah pengiraan peratusan tokok (*mark-up*) atau peratusan margin pada setiap hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar perniagaan sebagai penentuan keuntungan asas. Peratusan tersebut adalah berdasarkan kepada peratusan *mark-up* atau peratusan margin pada hari pertama tahun sebelum dan trend perbezaan peratusan *mark up* atau peratusan margin bagi tempoh 3 tahun sebelumnya.

Penentuan pencatutan (keuntungan tinggi yang tidak munasabah) dibuat menggunakan pengukuran tempoh satu tahun kewangan atau tahun kalendar perniagaan. Pencatutan berlaku apabila peratusan *mark up* atau peratusan margin tahun semasa melebihi peratusan keuntungan asas dalam tahun berkenaan. Peraturan ini tidak menetapkan kadar keuntungan barangan yang diurus niaga atau dijual. Namun begitu, Kementerian mempunyai asas melalui mekanisme dalam Peraturan ini bagi memastikan keuntungan yang ditentukan atau diperolehi oleh peniaga bagi sesuatu barangan adalah munasabah berasaskan kepada data maklumat perniagaan yang lepas.

Kementerian memulakan penguatkuasaan dan pemakaian Peraturan kepada dua (2) kategori barangan iaitu makanan dan minuman serta barangan isi rumah. Barangan isi rumah adalah terdiri daripada jenis barang yang tidak tahan lama termasuk produk penjagaan diri. Keutamaan diberi bagi barangan ini kerana ia memberi kesan langsung ke atas perbelanjaan isi rumah dan kos sara hidup rakyat. Namun, Kementerian akan memperluaskan penguatkuasaan peraturan ini kepada barangan dan perkhidmatan lain mengikut keperluan dan kewajaran. Peraturan-Peraturan ini berkuatkuasa ke atas semua peringkat perniagaan bagi barangan yang termasuk dalam skop pemakaian peraturan.

Tempoh peralihan selama 5 bulan bermula pada 1 Januari 2017 dan berakhir 31 Mei 2017 diberi kepada peniaga bagi persediaan pematuhan kepada Peraturan ini. Kementerian sedang melaksanakan program advokasi untuk memberi penjelasan dan penerangan kepada pihak berkepentingan khususnya peniaga yang tertakluk kepada penguatkuasaan bagi mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran terhadap pematuhan kepada Peraturan ini.

Mana-mana pihak yang melakukan kesalahan membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah akan dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kerana mencatut. Sekiranya disabit kesalahan, bagi orang perseorangan, denda sebanyak RM100,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya akan dikenakan bagi kesalahan pertama manakala kesalahan kedua dan berikutnya akan dikenakan denda sebanyak RM250,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya, manakala bagi

pertubuhan Perbadanan atau syarikat akan dikenakan denda sebanyak RM500,000 bagi kesalahan pertama manakala denda sebanyak RM1 juta bagi kesalahan kedua atau berikutnya.

Selaras dengan penambahbaikan akta ini juga, penubuhan Majlis Penasihat Harga Barang yang dianggotai golongan professional, pihak peniaga, pengguna dan wakil kementerian turut dilaksanakan bagi membantu pihak kerajaan menjalankan pemantauan ke atas peniaga. Melalui akta baru ini juga, pihak berkuasa boleh bertindak segera terhadap peniaga yang mengaut keuntungan secara berlebihan.

Pelaksanaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) (kpdnkk,2018)

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) adalah suatu skim yang dilaksanakan dengan objektif untuk menyekat kenaikan harga yang tidak berpatutan dan mencegah amalan mencatut atau mengambil untung secara berlebihan (*profiteering*) di kalangan peniaga semasa musim perayaan.

Skim ini dilaksanakan mulai tahun 2000 dan meliputi musim perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Puasa, Deepavali serta Krismas. Skim ini juga telah diperkenalkan buat julung kalinya pada tahun 2010 untuk sambutan musim perayaan Pesta Kaamatan di Sabah dan Hari Gawai di Sarawak.

Kawalan harga dibuat ke atas harga maksimum borong dan runcit ke atas senarai barangan terpilih yang dijadikan barangan harga terkawal. Barangan harga terkawal merupakan barangan yang mempunyai keperluan dan permintaan yang sangat tinggi semasa musim perayaan. Barangan harga terkawal juga adalah barangan yang sensitif terhadap sedikit gangguan bekalan dan harga. Harganya boleh melambung tinggi jika tidak dipantau dan dikawal.

Penetapan harga dibuat berdasarkan trend harga sepanjang tahun, cadangan dan perbincangan dari agensi kerajaan, swasta, industri serta persatuan-persatuan. Barangan harga terkawal terdiri meliputi kategori ayam, telur ayam, daging, sayur-sayuran, barang kering dan ikan. Senarai barangan harga terkawal akan berubah mengikut skim dan keperluan ke atas musim perayaan itu.

Menurut Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman (2018) kementerian mengumumkan sebanyak 10 barangan diletakkan di bawah Skim Kawalan Harga Bulan Ramadan 2017. Keputusan sebagai langkah menangani kos sara hidup dan kenaikan harga barangan serta mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang gagal mematuhi peraturan mengikut skim tersebut berdasarkan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Senarai barangan yang termasuk dalam skim ini ialah kacang tanah, kacang hijau, telur ayam gred A, telur ayam gred B, telur ayam gred C, kelapa biji, kelapa parut, gula pasir putih bertapis kasar, gula pasir putih bertapis halus dan tepung gandum.

Kerajaan perlu terus melaksanakan Skim Kawalan Harga untuk barangan terpilih terutama ayam, telur dan daging pada musim perayaan Aidilfitri ini yang terbukti dapat membendung peniaga daripada mengambil kesempatan menaikkan harga barangan. Langkah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) memperkenalkan Skim

Kawalan Harga Bulan Ramadan pada tahun lalu berjaya mengelakkan kenaikan harga barangan tertentu.

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) telah dilaksanakan bermula tahun 2000 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (dahulu Akta Kawalan Harga 1946). Pelaksanaan SKHMP Raya Puasa 2018 yang berkuat kuasa bermula 08 Jun hingga 22 Jun 2018.

Barang-barang Kawalan Diisytiharkan Semasa Musim Perayaan bagi perayaan-perayaan berikut:

- 1-Hari Raya Puasa
- 2-Deepavali
- 3-Hari Raya Haji
- 4-Krismas
- 5-Tahun Baru Cina
- 6-Pesta Kaamatan
- 7-Hari Gawai

Di bawah Skim ini, beberapa jenis barang keperluan dikenal pasti sebagai barang harga terkawal musim perayaan untuk ditetapkan harga maksimum di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit dalam suatu tempoh tertentu. Skim ini dilaksanakan di seluruh Malaysia dan harga yang ditetapkan adalah berbeza mengikut kawasan dan daerah bertujuan seperti berikut:

- i. Melindungi pengguna daripada peniaga-peniaga yang mengaut keuntungan berlebihan (Mencatut)
- ii. Menetapkan harga maksimum ke atas barang-barang keperluan musim perayaan
- iii. Pengguna mudah memperoleh barang-barang keperluan musim perayaan pada harga yang ditentukan

Tempoh pelaksanaan SKHMP ditetapkan mengikut keperluan musim perayaan berkenaan, contohnya ialah;

- a. Hari Raya Puasa: Tempoh pelaksanaan adalah selama 15 hari (Sebelum, Semasa dan Selepas perayaan)
- b. Hari Krismas: Tempoh pelaksanaan adalah selama 5 hari (Sebelum, Semasa dan Selepas perayaan)
- c. Hari Deepavali: Tempoh pelaksanaan adalah selama 10 hari (Sebelum, Semasa dan Selepas perayaan)
- d. Hari Tahun Baru Cina: Tempoh pelaksanaan adalah selama 12 hari (Sebelum, Semasa dan Selepas perayaan)

Barang-barang yang diisytiharkan senarai barangan harga terkawal skim kawalan harga musim perayaan Hari Raya Puasa

- 1-Ayam Hidup
- 2-Ayam Standard (disembelih dan dibersihkan berserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya)
- 3-Ayam Super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal)
- 4-Telur Ayam gred A (berat antara 65.0 gram hingga 69.9 gram sebiji)
- 5-Telur Ayam gred B (berat antara 60.0 gram hingga 64.9 gram sebiji)
- 6-Telur Ayam gred C (berat antara 55.0 gram hingga 59.9 gram sebiji)
- 7-Daging lembu tempatan
- 8-Daging lembu import (dikawal di Sarawak sahaja)

- 9-Daging kerbau import (India)
- 10-Cili merah
- 11-Tomato
- 12-Kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing)
- 13-Kelapa biji (dikawal di peringkat borong sahaja)
- 14-Kelapa parut (dikawal di peringkat runcit sahaja)
- 15-Bawang merah kecil (India)
- 16-Bawang besar import
- 17-Bawang putih (China)
- 18-Ubi kentang import (China)
- 19-Ikan kembung termasuk ikan mabung (berat antara 7 ekor hingga 10 ekor setiap kilogram)
- 20-Ikan selang (berat antara 7 ekor hingga 10 ekor setiap kilogram)
- 21-Ikan aya atau tongkol (berat antara 1 ekor hingga 2 ekor setiap sekilogram) (dikawal di Pahang, Terengganu, dan Kelantan sahaja)
- 22.Ikan demudok/sagai/cermin/cupak (berat antara 3 ekor hingga 5 ekor setiap sekilogram) (dikawal di Sabah sahaja)

Menjadi kewajipan peniaga mematuhi tiga (3) perintah seperti berikut;(Bahagian Penguat kuasa KPDNKK, 2018)

- 1.Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) 2018
- 2.Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2018
- 3.Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993

Tanggungjawab dan kewajipan peniaga ialah menjual barangan harga terkawal tidak melebihi harga maksimum yang ditentukan, meletakkan tanda harga berwarna merah jambu ke atas barangan harga terkawal bagi membezakannya dengan barangan lain dan mempamerkan tanda harga ke atas semua barangan yang dijual. Pihak berkuasa KPDNKK akan mengambil tindakan ke atas peniaga sekiranya didapati gagal melakukan kewajipan-kewajipan tersebut.

Terdapat peruntukan penalti menurut jenis kesalahan-kesalahan dilakukan peniaga secara individu atau syarikat. Bagi individu yang melakukan kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum yang telah ditentukan boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000. Manakala bagi syarikat yang melakukan kesalahan tersebut boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000; Kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal yang dijual

Bagi individu yang melakukan kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal yang dijual boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000. Manakala bagi syarikat yang melakukan kesalahan tersebut boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000. Kesalahan gagal meletakkan tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual iii. Bagi individu yang melakukan kesalahan gagal meletakkan tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual: Denda maksimum Orang perseorangan bagi Kesalahan pertama RM 50,000 atau dua tahun penjara Kesalahan kedua atau berikutnya RM100,000 atau lima tahun penjara.

Sehubungan itu, pertubuhan perbadanan/syarikat bagi Kesalahan pertama RM 100,000. Kesalahan kedua atau berikutnya RM 250,000. Manakala kompaun maksimum sehingga RM25,000 bagi individu dan RM50,000 bagi pertubuhan perbadanan/syarikat.

Penandaan Khas Warna Merah Jambu

Penandaan harga khas warna merah jambu diperlukan bagi membezakan barang harga terkawal yang dijual. Penandaan ini memudahkan penggunaan mengenalpasti barang harga terkawal semasa pembelian. Pengguna akan lebih peka terhadap jenis barang harga terkawal yang diwartakan serta tempoh pelaksanaan yang berlangsung.



Gambar 1: Contoh penandaan SKHMP

Kaedah Penentuan Harga Maksimum

Bagi memastikan harga maksimum runcit yang akan ditetapkan sesuai dan boleh diterima oleh semua pihak, langkah-langkah berikut telah dilaksanakan:

1. Membuat pungutan harga di peringkat ladang, borong dan runcit ke atas barang-barang yang dicadangkan sebagai barang harga terkawal yang meliputi semua 146 daerah di Malaysia.
2. Mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan agensi kerajaan, pengeluar, pengimport, pemborong serta persatuan peniaga yang terlibat bagi menentukan harga maksimum yang ditetapkan adalah wajar dan bersesuaian; dan
3. Mengadakan mesyuarat dengan persatuan-persatuan pengguna serta peniaga bagi mendapatkan reaksi dan cadangan mengenai pelaksanaan skim tersebut.

Penutup

Kerajaan mempunyai kuasa kawalan dalam aspek tertentu. Antaranya ialah menggubal undang-undang perlindungan pengguna yang dapat mengawalselia, memantau, dan memastikan bekalan barang-barang keperluan mencukupi, harga barang berpatutan dan pasaran bebas dari monopoli pembekal. Antara contoh undang-undang yang telah diperkenalkan adalah Akta Kawalan Harga 1946, Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011. Kesemua statut tersebut bertujuan untuk menentukan harga barang-barang adalah berpatutan dalam sebarang keadaan dan dalam masa yang sama memberi peluang kepada pengguna untuk membuat perbandingan harga sebelum membeli barangan. Di samping mengawal dan memantau aktiviti tidak sihat dalam pasaran iaitu monopoli yang memberi kesan negatif kepada pasaran harga barangan pengguna.

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan yang bermula dari tahun 2000 merupakan satu daripada inisiatif kerajaan dalam membantu meringankan beban masyarakat bagi mengatasi isu kenaikan harga ketika musim perayaan. Ketika musim perayaan, permintaan tinggi terhadap barangan keperluan menyebabkan lonjakan harga yang tinggi di pasaran dan terdapat segelintir

peruncit yang mengambil kesempatan ekoran permintaan yang tinggi ini untuk menaikkan harga barangan masing-masing walaupun tidak terkesan daripada kenaikan harga di peringkat borong atau pembekal utama. Sikap peniaga yang kurang prihatin dan tidak beretika ini menyebabkan kerajaan terpaksa campur tangan dalam urusan pasaran terbuka ekonomi Negara bagi menyeimbangkan kepentingan peniaga dan juga pengguna.

Sewajarnya pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih tersusun dan mampan penting bagi memastikan pelaksanaan skim ini mencapai objektifnya. Aktiviti penguatkuasaan oleh KPDNKK tidak dinafikan membantu membanteras kenaikan harga dan amalan curang oleh peniaga khususnya semasa musim perayaan.

Penghargaan

Para penulis mengucapkan setinggi-setinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas dana geran FRGS-KPT2015 bagi menjalankan penyelidikan ini.

Rujukan

- Ahmad Esa (2002). Pengetahuan, Amalan, Dan Sikap Peniaga Kecil Terhadap Etika Perniagaan : Satu Kajian Rintis, KUiTTHO.
- Akta Kawalan Bekalan 1961.
- Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011
- Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Putrajaya. (2018), Kewajipan Peniaga Mematuhi Perintah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Putrajaya
- Consumer International, Asia Pacific Office, 2003. Competition Policy and Law in the Consumer and Development Interest. Kertas kerja Communication to United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD). Trade and Development Board, Intergovernmental Group of Experts on Competition Law and Policy, 2-4 Julai 2003.
- <http://www.utc.com> akses pada 8 Julai 2018
- <https://www.kpdnkk.gov.my/kpdnkk/pencatutan/> akses pada 8 Julai 2018
- <https://www.kpdnkk.gov.my/kpdnkk/penguatkuasaan-skim-kawalan-harga-musim-perayaan/> akses pada 8 Julai 2018.
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan. (2017), Garis Panduan Pelaksanaan Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah. Percetakan Nasional Malaysia Berhad Kuala Lumpur.
- Mohd. Yusof Abdul Rahman (2018) Teruskan Skim Kawalan Harga, Utusan Malaysia, 25 Mei 2018.
- Nasarudin Abdul Rahman (2016), Peranan Undang-undang Persaingan dalam Melindungi Kepentingan Pengguna dan Pengusaha Kecil, Makalah Kanun, Jld.28, Bil.1, Kuala Lumpur:DBP
- Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993
<http://www.kpdnkk.gov.my/kpdnkkv3> akses pada 20 Februari 2018
- Perintah Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2013
- Perintah Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) 2013
- Sobri Salomon (1989). Ekonomi Islam: Pengenal Sistem Dan Kemungkinan. Al-Rahmaniah, Petaling Jaya, Malaysia.
- www.kpdnkk.gov.my.Portal Rasmi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Malaysia.

www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-06102011.pdf akses pada 20 Februari 2018